

TARIKH	8 / 2 / 2013	SEKSYEN	
MUKA SURAT	50	RUANGAN	Letters

UMUM

- ☛ TERIMA KASIH kerajaan kerana membantu pemandu teksi. Harap selepas ini bantu kedai gunting rambut, peniaga gerai dan penjaja warung. •HG GRK

- ☛ PAHANG dan Terengganu sudah maju, tetapi Kelantan tidak akan maju walaupun seribu tahun lagi. Ini kerana Kelantan berada di bawah cengkaman Pas. •DIN

- ☛ UCAPAN terima kasih kepada pihak berkuasa kerana menjalankan operasi rokok di Larkin Central, Johor Bahru. Namun masih ramai lagi yang masih degil dan tidak mematuhi peraturan ini. •ZAMZURI

- ☛ BERSYUKURLAH bakal-bakal haji kerana Kerajaan Malaysia dan Tabung Haji mengekalkan kos mengerjakan haji RM9,980 walaupun kos sebenar adalah RM15,555 (subsidi sebanyak RM5,575 seorang). •TGANU KITE

- ☛ SESIAPA yang membantah AES sememangnya kaki melanggar undang-undang jalan raya dan tidak menghormati diri sendiri. Hargailah usaha kerajaan untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya. •KALAMGRK

- ☛ SOKONG sepenuhnya buat Presiden Seniman, Zed Zaidi apabila beliau membuat kenyataan agar pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah buat sia-sat ke atas stesen-stesen radio kerana kerap memainkan lagu-lagu daripada artis luar negara. •HAIKAL

- ☛ MINTA pihak berkuasa tempatan menyediakan pelan jangka panjang untuk mengatasi masalah banjir kilat yang sering berlaku di bandar Kajang. •KANCIL

- ☛ KESAL masih ada dalam kalangan rakyat Malaysia yang tidak bersyukur walaupun menerima pelbagai jenis bantuan yang diperkenalkan oleh Kerajaan Pusat. •TENG